

Nilai-Nilai Lestari dalam Tamadun Melayu

Hood Haji Mohd Salleh¹ & Normah Othman²

ABSTRAK

Kertas kerja ini melihat kehidupan masyarakat orang Melayu dari beberapa aspek di mana terdapat unsur-unsur nilai murni yang kekal dalam kehidupan mereka walaupun telah menerima pendidikan tinggi. Fungsi nilai-nilai murni ini mempunyai ciri-ciri tertentu: hubungan yang luhur dengan segala alam semesta, makna yang sejahtera dalam kehidupan manusia keseluruhannya, fungsi praktikal dalam kehidupan harian, daya tahan dan kesinambungan hidup individu sebagai anggota masyarakat. Kajian tertumpu pada usaha melihat kenyataan-kenyataan tersebut melalui contoh-contoh tertentu dalam kajian kes mengenai beberapa orang subjek yang terdiri dari orang-orang Melayu yang maju melalui pendidikan tetapi masih mengekalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian mereka. Dapatkan kajian menggambarkan unsur-unsur yang khusus terdapat dalam peradaban Melayu.

Kata kunci: Tamadun Melayu, Orang melayu, Peradaban, Nilai lestari

Bakti Putera Timur

Beta lahir di timur
Bumi nan luhur
Tanah yang makmur
Penuh ratna bertabur

Beta putera Asia
Sebagai kembang negara
Penuntut bela
Pengawal nusa bangsa

Tiada redha sekali-kali
Tanah air beta, dilumuri barat
Biar tercerai roh tajalli

Beta tepa, berbakti jihad
Hanya inilah bakti hamba
Sebagai putera, Asia Timur
Mengawal menjaga, tanah persada
Agar kekal, gemilang makmur

*Mahsuri S.N
1945*

¹ Dato' Hood Haji Mohd Salleh, PhD, merupakan Profesor Emeritus di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Email: hood@pkrisc.cc.ukm.my.

² Normah Othman, PhD, merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Moden, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Kuantan Pahang. E-mail: normah@ump.edu.my

PENGENALAN

Sesuatu tamadun itu kekal dan berkekuatan oleh kerana autonominya. Autonomi yang dimaksudkan wujud dalam bentuk-bentuk tradisi, institusi dan segala tindakan sosial atau perjuangan yang berlandaskan jagat dunia atau *worldview* yang terkamir sifatnya. Seorang pejuang mampu dan beriltizam berjuang kerana keabsahan sokongan yang berpunca dari komunitinya yang kadangkala kurang berupaya mengartikulasikan objek perjuangan. Za'ba mempamerkan iltizam kuat untuk mewujud negara bangsa yang berpaksikan kepada keutuhan dan sistem autonomi yang dikenalinya sebagai sesuatu yang beridentiti 'Melayu'. Bahasa adalah senjatanya kerana bahasa menyusun jagat dunia. Bahasa itu disayangi kerana bahasa adalah satu-satunya lambang kejayaan hidup bertamadun. Ia jambatan antara generasi ke generasi yang lain dan sekaligus memudahkan pertalian rapat dan kekal antara satu institusi sosial dengan yang lain.

Apabila autonomi sesuatu bangsa di cabar, maka seluruh sistem dan jentera yang menyokongnya berada dalam keadaan bahaya. Masyarakat Melayu semasa Za'ba berada dalam tahap dan zaman bahaya seperti itu, kerana ia diancam oleh kuasa asing yang cuba bertapak dengan mengguna dan mengenakan acuan dari jagat dunia tidak direstu rakyat Melayu sepenuhnya. Autonomi Melayu tergugat, bahasa Melayu hampir hilang, nilai-nilai utama Melayu semakin terhakis, anak-anak watan bertukar orientasi sedikit demi sedikit. Di persimpangan jalan, papan tanda sentiasa mengelirukan. Apa yang perlu dilakukan dan di mana pedoman yang boleh dipercayai untuk dipakai?

TUMPUAN

Tujuan kertas ini adalah untuk menimbulkan isu-isu dan soalan bagi mencetuskan analisis yang lebih mendalam mengenai jagat dunia Za'ba dari perspektif manusia dan sekitaran sosialnya. Pada masa kini kita mempunyai lebih banyak minat untuk membolehkan penghargaan yang lebih meluas terhadap perjuangan dan konteks perjuangan beliau agar ini dapat membawa ke bentuk penyelidikan yang lebih teliti.

Kandungan kertas ini terbahagi kepada dua. Bahagian pertama melihat kembali unsur-unsur menarik yang tersirat di dalam idea-idea Za'ba dari sudut pengajian manusia dan alam sekitarnya. Aspek ini belum diberi banyak perhatian, oleh kerana hampir segala tumpuan adalah kepada bahasa, kesusasteraan dan bidang-bidang kemasyarakatan yang berkaitan.

Kajian-kajian membuktikan bahawa ketelusan dan prinsip-prinsip sosial yang dijuarai Za'ba adalah menyeluruh dan mencerminkan kedinamikan idea-idea serta falsafah hidupnya sebagai individu yang mendahului zamannya. Za'ba adalah penanda aras yang unggul pada masa kehidupannya, namun sambutan terhadap buah fikiran dan aktivisme beliau belum mendapat penghargaan yang setimpal dengan nilai sumbangannya pada masa itu. Ini mungkin disebabkan ketidakstabilan asas-asas sosial masyarakat Melayu yang pada waktu itu dijajah oleh Inggeris melalui kaedah-kaedah yang tersusun rapi. Namun perjuangan intelektualnya bagi pihak orang Melayu amat jelas. Sebahagian kertas ini meneliti aspek tersebut melalui pandangan-pandangannya yang bersabit dengan bidang manusia dan alam sekitarnya.

Bahagian kedua kertas ini merupakan perbincangan umum tentang nilai-nilai yang sedia ada dan terdapat dalam tamadun Melayu sejak dulu yang boleh kita perakukan sebagai *nilai-nilai lestari* bagi masyarakat Melayu kini. Perbincangan adalah dibimbing oleh aliran pemikiran Za'ba sendiri yang mungkin terselindung pada waktu ia menulis. Ini berdasarkan tema-tema dalam perjuangannya yang diselitkan dalam semua penulisannya, samada dalam bidang bahasa, kesusasteraan, ekonomi, agama atau politik. Sememangnya sudah terdapat babit-babit penjelasan tentang idea-idea dan gagasan ini dalam penulisan Za'ba. Namun kita harus meneliti lebih rapi lagi akan kewujudan dan hala tujuinya.